



PENCALONAN

S.E.A. WRITE AWARD 2014



Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Sekretariat Tetap pemilihan calon penerima S.E.A. Write Award di Malaysia akan memulakan proses pemilihan calon penerima **S.E.A. Write Award 2014**. S.E.A. Write Award adalah satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Thailand untuk tokoh penulis dari rantau ASEAN. Institusi dan badan-badan yang sah dan berdaftar serta orang perseorangan yang berwibawa dalam bidang sastera dipelawa untuk mengemukakan calon yang layak untuk dipertimbangkan bagi menerima anugerah tersebut.

PERATURAN DAN SYARAT PENCALONAN

1. Pencalonan hendaklah dikemukakan berdasarkan format dalam borang pencalonan yang disediakan oleh Sekretariat Tetap S.E.A. Write Award (Malaysia).
2. Calon yang dikemukakan hendaklah warganegara Malaysia yang masih hidup, yang menghasilkan karya kreatif dalam bahasa Melayu. Calon yang dikemukakan juga hendaklah dalam kalangan penulis yang menulis dalam genre puisi, iaitu genre yang ditetapkan bagi tahun 2013. Penglibatan dalam kegiatan sastera dan penghasilan karya dalam genre yang lain dianggap sebagai unsur tambahan.
3. Hanya satu nama boleh dikemukakan oleh setiap pencalon. Penerima S.E.A. Write Award tidak layak dicalonkan untuk kali kedua.
4. Pencalonan mestilah disokong dengan bukti-bukti kukuh tentang calon, iaitu (i) Hasil Karya Calon dan (ii) Tulisan atau laporan pengiktirafan oleh sarjana/individu yang berkeelayakan.
5. Hujah secara bertulis tentang calon hendaklah dikemukakan berdasarkan empat (4) kriteria berikut, iaitu:
 - (i) Penghargaan/pengiktirafan/hadiah yang pernah diterima pada peringkat antarabangsa/kebangsaan/negeri;

- (ii) Prolifik dan konsistensi dalam berkarya (keutamaan kepada genre yang dinilai);
- (iii) Ketokohan, keterampilan dan sumbangan pemikiran yang memberi kesan dan impak kepada kemajuan dan perkembangan sastera melalui hasil tulisan calon; dan
- (iv) Komitmen dalam kegiatan yang menyumbang ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan secara konsisten.

PENYERTAAN

Semua pencalonan hendaklah dialamatkan kepada:

Sekretariat Tetap S.E.A. Write Award (Malaysia)
Bahagian Promosi dan Pengiktirafan,
Aras 25 Menara DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-21479123 Faks: 03-21479610
E-mel: seawriteawards@dbp.gov.my

*(Borang pencalonan boleh diperolehi dengan melayari laman web:
www.dbp.gov.my)*

Tarikh tutup pencalonan : 4 Julai 2014